

Ahad, Apr 29 2018

Johari pertahan kerusi Titiwangsa

BH 29/4/2018

KUALA LUMPUR 28 April - Datuk Seri Johari Abdul Ghani me-laungkan keyakinannya untuk mempertahankan kerusi Parlimen Titiwangsa pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) meskipun berdepan tentangan daripada calon Pas dan PKR.

Katanya, Barisan Nasional (BN) tidak begitu bimbang dengan ancaman pembangkang sebaliknya menumpukan kepada keyakinan pengundi untuk terus memberikan mandat sama seperti lima tahun lalu.

Disebabkan itu, beliau akan tetap turun padang dan bertemu dengan semua lapisan masyarakat di seluruh kawasan Titiwangsa sepanjang 11 hari tempoh berkempen.

“Kita tidak lagi mengambil mudah pandangan para pen-

gundi, mereka sudah tahu nilai undi mereka, mereka akan memilih wakil rakyat yang selalu turun padang, yang mudah untuk didekati dan kalau ada apa-apa masalah boleh terus hubungi atau berjumpa di pusat khidmat masyarakat.

“Walaupun saya tak pernah janjikan apa-apa, tetapi saya mahu rakyat melihat rekod pencapaian saya sepanjang lima tahun berkhidmat, baik sebagai wakil rakyat mahupun dalam kerajaan Pusat menyumbang kepada negara,” katanya kepada pemberita selepas pengumuman calon-calon yang bertanding di Parlimen Titiwangsa di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Aminuddin Baki di sini hari ini.



JOHARI ABDUL GHANI